

Petugas barisan hadapan digesa terus fokus usaha perangi COVID-19

Kuala Lumpur: Semua petugas barisan hadapan kesihatan dan keselamatan perlu kekal fokus terhadap perang menentang COVID-19 dan tidak terkesan dengan sebarang kemungkinan yang berlaku akibat kemelut politik.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM), Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata petugas barisan hadapan perlu kekal dengan tekad berkhidmat untuk rakyat dan negara walau apa juga yang berlaku, termasuk kemungkinan pertukaran kerajaan.

“Saya harap semua agensi kerajaan, khususnya petugas barisan hadapan sama ada Kementerian Kesihatan (KKM), polis dan tentera yang menangani COVID-19, tidak terlalu kisah dengan kemelut politik.

“Kita tumpu sepenuhnya kepada pengurusan COVID-19 kerana kita sudah mula nampak

sinar kemenangan.

“Jangan terpengaruh dengan orang politik.

“Petugas barisan hadapan lebih penting untuk memastikan kesihatan dan nyawa rakyat serta pembukaan semula ekonomi negara. Tiada guna difikirkan siapa jadi Perdana Menteri, seandainya kes kekal tinggi.

“Kekalkan tekad berkhidmat untuk rakyat, negara dan Yang di-Pertuan Agong.

“Walau siapa pun kerajaan, tumpuan kita ialah tangani COVID-19,” katanya kepada *BH*.

Sementara itu, pakar kesihatan awam (epidemiologi dan biostatistik) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata strategi kesihatan awam dan program vaksinasi yang sedang berjalan tetap diteruskan walaupun berlaku pertukaran kerajaan.

Berdasarkan situasi krisis po-

litik tahun lalu, katanya, dasar sedia ada membabitkan saringan kes baharu, pengesanan kontak rapat, kuarantine dan vaksinasi boleh terus dilaksanakan oleh penjawat awam.

Bagaimanapun, beliau khuatir beberapa perkara yang memerlukan kelulusan peringkat tertinggi seperti penyaluran peruntukan untuk pembelian kelengkapan perubatan mungkin terganggu dan tertangguh jika berlaku pertukaran kerajaan.

“Kita juga bimbang jika perolehan vaksin membabitkan kerajaan dengan negara luar atau syarikat farmaseutikal yang belum selesai dan memerlukan kelulusan peringkat tertinggi, akan terjejas.

“Beberapa keputusan terbaru juga mungkin terkesan, seperti pengesanan digital, perolehan vaksin tambahan, keputusan membuka sekolah,” katanya.